

Hari Minggu Katekatikal

2023



1
Ketahuilah apa itu
Hari Minggu Katekatikal,
dan bagaimana minggu ini bermula!

2
Menyerahkan insan yang kita sayangi
ke dalam pengendalian Kristus dengan
Aktiviti Melukis bersama Keluarga!

3
Berterima kasih akan segala
sesuatu yang harus disyukuri
dengan **Pohon Kesyukuran!**

4
Berikan hadiah istimewa
kepada katekis kamu dengan
Aktiviti Mewarna Bunga-bunga Hati!

5
Pemupukan komuniti
melalui doa permohonan khusus
dengan **Doa Pizza!**

6
Doa untuk Keluarga
yang didoakan bersama!



Apa itu Hari Minggu Katekatikal ?

Hari Minggu Katekatikal bermula sebagai satu peluang bagi para katekis, ibu bapa dan penjaga untuk memberikan semula komitmen mereka terhadap misi katekisis, dan merayakan serta memperkasakan panggilan mereka sebagai komuniti beriman. Perayaan Hari Minggu Katekatikal merupakan sebagai satu maklum balas kepada dokumen yang telah dikeluarkan oleh Vatikan pada tahun 1935 – *“Tentang Penjagaan yang lebih baik dan promosi Pendidikan Katekatikal”*. Dalam dokumen ini, terdapat satu panggilan untuk Gereja di seluruh dunia agar tidak hanya mengakui kepentingan pelayan pengajaran ini, tetapi juga memberi penghargaan kepada para katekis, yang melayani komuniti Kristian. Pada tahun ini, kita bukan sahaja menghargai para katekis paroki kita, namun ibu bapa kita juga, sebagai katekis pertama untuk anak-anak mereka!

Bilakah Hari Minggu Katekatikal 2023 ?

Pada tahun ini, Hari Minggu Katekatikal akan dirayakan pada 29 Januari 2023!

Apakah Tema pada Tahun ini ?

Tema pada tahun ini ialah *“Memperbaharui Gereja dengan Iman Keluarga”*. Anda dijemput untuk merenung lebih mendalam lagi akan tema ini dengan membaca *Pesanan Hari Minggu Katekatikal*, yang telah disediakan oleh Komisi Katekatikal Malaysia!

Kit Hari Minggu Katekatikal Ini

Bahan-bahan dalam Kit Hari Minggu Katekatikal ini adalah untuk edaran dalaman dan kegunaan peribadi sahaja (bukan untuk tujuan komersial). Petikan sumber hak pencipta lain yang terdapat dalam isi kandungan bahan-bahan kit ini telah diakui penggunaannya.

Pohon Kesyukuruan

Terdapat banyak perkara yang harus disyukuri oleh keluarga kita! Pada Minggu Katekatikal ini, kita berdoa agar semangat bersyukur ini mengalir dalam keluarga kita, dan menyegarkan semula Gereja kita. Daripada ketaatan yang tidak tergoyahkan akan Allah, marilah kita juga, mahu bertumbuh dalam ketaatan yang sama!



Apa yang saya perlukan?


- Gunting
- Gam
- Pensel Warna

Apakah yang saya lakukan?











1. Setiap dedaun dan buah memberikan idea tentang apa yang kita harus syukuri. Daun-daun adalah untuk ibu bapa, manakala buah-buahan pula untuk kanak-kanak.
2. Warnakan daun-daun dan buah-buahan tersebut, dan tuliskan jawapan anda pada daun dan buah.
3. Gunting daun-daun dan buah-buahan tersebut.
4. Gam dan lekatkan daun/buah anda pada Pohon Kesyukuruan!
5. Pamerkan Pohon Kesyukuruan anda pada ruangan dalam rumah anda!







Pohon
Kesyukuruan





Pohon
Kesyukurhan





Doa Pizza

Pepperoni, parmesan, parsley dan... Petisyen? Salah satu cara terbaik yang boleh lakukan untuk memupuk semangat kekitaan adalah dengan berdoa untuk satu sama lain. Apabila kita berdoa untuk sesama, kita akan bertumbuh dalam kasih dan keikhlasan. Kita juga akan menjadi lebih rapat dengan sesama, hal ini kerana kasih Allah adalah kasih yang menyatukan! Dengan Pizza Doa, kita bukan sahaja akan dapat mewarnakan bahan-bahan kegemaran kita, namun kita juga akan membahagikan mereka kepada hirisan-hirisan, dan menggunakannya untuk mengumpulkan permohonan doa! Terasa sedikit lapar? Mari kita makan!




Apa yang saya perlukan?


- Gunting
- Pensel Warna

Apakah yang saya lakukan?

1. Warnakan semua bahan-bahan pada Doa Pizza.
2. Gunting Doa Pizza kepada 8 hirisan.
3. Minta kawan-kawan dan keluarga kamu untuk menulis nama dan doa permohonan mereka pada bahagian belakang hirisan.
4. Luangkan waktu untuk mendoakan setiap permohonan doa yang telah kamu kumpulkan. Kamu boleh mendoakan satu doa permohonan dalam sehari sebagai permulaan!
5. Bawa ibu bapa kamu untuk berdoa bersama.


Doa Pizza





Yang dikasihi,

_____ (nama ibu bapa)



Yesus Mengasihi
keluarga saya!


Dengan kasih dan
penghargaan,

_____ (nama saya)



Yang dikasihi,

(nama katekis saya)



Berjaga-jagalah,
berdiri teguhlah
Dalam iman-mu,
jadilah berani,
Bertaballah.

Perbuatlah
segala sesuatu
Dalam kasih!

1 KOR 16:13-14

Dengan kasih dan
penghargaan,

(nama saya)

Doa Untuk Keluarga

oleh St. John Paul II



Tuan Allah,

daripada Engkau seluruh keluarga di Syurga dan bumi menerima namanya.

Bapa, Engkau adalah kasih dan kehidupan. Melalui Putera Mu, Yesus Kristus, yang dilahirkan oleh seorang perawan, dan melalui Roh Kudus, mata air akan amal kasih yang kudus, semoga setiap keluarga di dunia ini menjadi tempat bagi kehidupan dan kasih bagi setiap generasi akan datang.

Semoga anugerah Mu membimbing fikiran dan perbuatan pasangan suami dan isteri demi kebaikan keluarga mereka dan semua keluarga di dunia.

Semoga para belia menemukan sokongan dalam keluarga mereka dari aspek maruah kemanusiaan mereka dan agar mereka bertumbuh dalam kebenaran dan kasih.

Semoga juga cinta antara keluarga, dikuatkan dengan rahmat sakramen perkahwinan, membuktikan bahawa cinta itu lebih besar daripada kelemahan-kelemahan dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh keluarga.

Semoga melalui perantaraan Keluarga Kudus di Nazaret, Gereja berhasil membawa misi dunianya dalam keluarga dan melalui keluarga.

Kami mohon ini semua daripada-Mu, Yang adalah hidup, kebenaran dan kasih bersama dengan Putera dan Roh Kudus.

Amin.



Penghargaan

Ilustrasi: Cover Image by lifeforstock on Freepik (shorturl.at/acix2)
lan Mikraz (shorturl.at/CUV37)

Fon: Xomai (Khurasan Studio), Gafata (Lautaro Hourcade)
& Embroi Ghokib (Maulana Creative)

Pohon Kesyukuran (Semua Aspek): shorturl.at/mIY01, shorturl.at/egIG9 & shorturl.at/dnY47
Doa Pizza: shorturl.at/aEWY3
Yesus mengasihi keluargaku (Semua Aspek): shorturl.at/beEN0 (Vincent Le Moign), shorturl.at/JOSY5,
shorturl.at/jksO5 & shorturl.at/nry01
Bunga-bunga Hati: shorturl.at/enOW4

Terjemahan (Iban): Francis Dampa anak Inggor, Erika Nantie anak Michael Jimbat
& Patricia Munjan anak Jempau

Terjemahan (Mandarin): Adelina Wong

Terjemahan (Tamil): Theresa Ayyakkannu

Terjemahan (Bahasa Malaysia): Wiena Francisca Tony

Disusun oleh: Pejabat Katekatikal Nasional